

25/07/1999

Perkongsian pintar untuk keluar daripada kegawatan

Wan Sabariah Shikh Ali; Norliza Ahmad

MULAI semalam, sebahagian daripada 300 peserta dari 38 negara sudahpun tiba ke pulau legenda Mahsuri bagi menghadiri perhimpunan kali ke-4 Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Bertemakan Menguruskan Pemulihan Ekonomi bagi Berkongsi Kemakmuran - Pendekatan Perkongsian Pintar, LID sekali lagi mempertemukan minda terbaik di pihak kerajaan dan sektor swasta di kalangan negara Selatan-Selatan untuk berkongsi pengalaman dan langkah pemulihan sepanjang 24 bulan yang perit bagi Asia.

Dialog selama empat hari bermula hari ini juga akan turut mencari wadah bagaimana perkongsian pintar boleh dimanfaatkan bukan saja dalam era kemakmuran, malahan menjadi alat penting memacu ketika kegawatan.

Perkongsian pintar ditakrifkan sebagai mewujudkan suasana menang-menang yang mana setiap pihak terbabit memperoleh manfaat jangka panjang.

Prasyarat ke arah perkongsian pintar ialah kewujudan persekitaran pintar yang mengandungi elemen pembabit kerajaan menerusi perundingan dengan sektor perniagaan dan kesatuan sekerja; pembangunan manusia; memperkasa wanita; keharmonian kaum; dan saling mempercayai.

Sesi LID tahun ini akan dibahagikan kepada tiga iaitu dialog untuk mempelajari daripada krisis ekonomi; mempercepat pemulihan menerusi pendekatan perkongsian pintar dan memastikan kestabilan masa depan.

Sejak dimulakan pada 1995 hasil cetusan idea Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, LID dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi (Might) dan Perkongsian Komanwel untuk Pengurusan Teknologi (CPTM).

LID 99 akan memberi tumpuan kepada krisis itu dan kesan proses pemulihan ekonomi dengan negara seperti Malaysia dan Thailand berkongsi pengalaman mereka, iaitu Malaysia tanpa pengawalan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) manakala Thailand pula dengan bantuan kewangan agensi antarabangsa itu.

Pengerusi Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, menerangkan ekonomi seperti Malaysia, Thailand dan Taiwan pula boleh berkongsi dengan negara membangun dari Afrika mengenai pengalaman mereka menangani proses pemulihan ekonomi.

Dalam satu wawancara baru-baru ini, beliau yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata:

"Ketika kita (Malaysia) melihat kepada daya usaha yang kita ambil sendiri dari segi pemulihan ekonomi, kita tahu kerajaan tidak dapat melaksanakannya bersendirian.

"Malah kerajaan dan sektor perniagaan sendiri juga tidak mampu melaksanakannya bersendirian, ia membabitkan penyertaan semua pihak."

Seiring dengan kedua-dua sektor itu, ia juga memerlukan pemahaman rakyat termasuk kesatuan sekerja yang perlu mengetahui apakah yang dihasratkan kerajaan.

"Setiap orang harus ada fungsi sendiri agar matlamat format perkongsian pintar menuju ke satu arah, " katanya.

Dalam hal inilah, LID dapat menyingkap pengalaman negara terbabit, umpamanya pelaksanaan langkah kawalan modal berpilih yang dilaksanakan oleh Malaysia dari perspektif kerajaan dan swasta di negara ini, serta bertukar pandangan negara lain terhadap cara itu.

Dari sudut antarabangsa, kegawatan kewangan dan ekonomi selama 24 bulan lalu mendedahkan betapa rapuhnya kedudukan negara berdaulat terhadap

serangan pemain pasaran modal terutama dana lindung nilai.

Malaysia yang giat memperjuangkan isu pengawalseliaan aliran modal dan kegiatan dana lindung nilai, turut bersandar kepada sokongan ekonomi baru muncul di kawasan Selatan.

Suara yang sama bagi mendesak negara Kumpulan Tujuh dan IMF untuk tidak berlengah dalam proses kajian dan penggubalan rangka kerja pengawalseliaan aliran modal dan kegiatan dana lindung nilai, bukan hanya akan memanfaatkan negara Asia, malah seluruh dunia.

"Kita mengetahui dengan jelas apabila sesebuah negara tunggal, terutama daripada negara sedang membangun bertindak bersendirian, ia tidak berkesan.

"Tetapi ekonomi baru muncul berganding bahu bersama-sama menggunakan pendekatan perkongsian pintar, boleh menghasilkan satu kejayaan dan apa yang lebih penting, hasil yang lebih adil dan saksama," kata Dr Omar.

Sehubungan itu, LID 99 akan lebih menjadi sebuah dialog perkongsian pintar mengenai bagaimana krisis ekonomi ditangani daripada sebuah dialog mengenai konsep perkongsian pintar seperti yang berlaku dalam tiga dialog sebelum ini.

"Kita memperkenalkan satu idea bahawa pendekatan perkongsian pintar akan menjadi satu cara pilihan untuk menjanakan tindakan negara serta interaksi antarabangsa bagi menyelesaikan masalah dan mencapai kemakmuran.

"Perkongsian pintar juga berguna dalam penyelesaian konflik," katanya.

LID 99 juga penting kerana buat pertama kali akan menampilkan dialog di kalangan Wanita Pertama atas permintaan mereka sendiri, mengenai topik sosial dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada usaha pemulihan ekonomi.

"Wanita Pertama adalah pemimpin dengan cara mereka sendiri dan boleh memberi sumbangan besar ketika dialog di Langkawi," katanya.

Senarai penuh pemimpin dan menteri yang akan menghadiri LID 99 adalah Presiden Botswana, Festus Gontebanye Mogae; Presiden Ghana, John Atta-Mills; Menteri Kewangan Jordan, Dr Michel Marto; Speaker Parlimen Kyrgyz Mukambayev Usup; Perdana Menteri Lesotho, Dr Pakalitha Mosisili.

Dr Mapop Chipeta dari Malawi; Perdana Menteri Malta, Fenech Adami; Presiden Mauritius, Caseem Uteem; Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano; Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel; Naib Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma.

Presiden Sudan, Lt Gen Omar Hassan Ahmad; King Mswati III dari Swaziland; Menteri Kewangan Taiwan, Dr Paul Chiu Cheng-hsiung; Presiden Tanzania, Benjamin William Mkapa; Timbalan Perdana Menteri Thailand, Dr Supachai Panitchpakdi; Menteri Kewangan dan Pembangunan Ekonomi Zambia, Dr Katele Kalumba; dan Presiden Zimbabwe Dr Robert Mugabe.

Di kalangan sektor swasta, syarikat antarabangsa yang menyertai LID ialah British Aerospace Plc, Hyundai Engineering & Construction Co Ltd, Dresdner Kleinwort Benson Ltd, UK, Marconi Communications of Italy, Merrill Lynch, UK, Salomon Smith Barney Inc, US, dan Rolls-Royce, UK.

Sektor korporat Malaysia juga menampilkan perwakilan yang besar ke LID termasuk Telekom Malaysia Bhd sebagai penaja utama, Tenaga Nasional Bhd, Malaysia Airlines, Shell, serta pegawai tertinggi daripada pihak berkuasa kawal selia sektor kewangan.

Menteri Kabinet yang dijangka menghadiri LID 99 termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie; serta Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

(END)